



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

31 OGOS 2024 (SABTU)

Pemain Badminton Profesional Pukul Anjing Didenda RM25,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	30 Ogos



Foto hiasan.

KAJANG: Pemain badminton profesional didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku salah memukul seekor anjing baka Husky di balkoni rumahnya, bulan lalu.

Hakim Mazuliana Abdul Rashid menjatuhkan hukuman itu terhadap Samuel Lee, 21, dan memerintahkan lelaki itu dipenjarakan enam bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, Samuel didakwa memukul anjing terbabit dengan tangan secara bertubi-tubi di balkoni

rumahnya di sini antara 12.09 hingga 12.19 tengah malam, pada 1 Julai lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau dipenjarakan maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, tindakan kejam Samuel memukul anjing itu dirakam jiran dan tular di media sosial.

Susulan kejadian itu, pada 2

Julai lalu, pihak penyelamat haiwan mengambil anjing terbabit untuk rawatan di klinik veterinar di mana haiwan terbabit didapati mengalami trauma serta ketakutan ekstrem.

Sehari selepas itu, pegawai kebajikan haiwan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor ke rumah pemain badminton itu, namun dia tiada di rumah.

Anjing Husky itu dikenali sebagai Kitster disimpan di Kota Damansara Veterinary Centre untuk siasatan lanjut dan hasil siasatan menunjukkan Samuel melanggar Seksyen 29 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dengan melakukan penganiayaan terhadap haiwan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Mohd Sharif Sabran memohon hukuman berat sebagai pengajaran kepada tertuduh.

"Perbuatan OKS (orang kena saman) yang kejam memukul anjing itu hingga mengalami kemurungan memerlukan hukuman berat sebagai pengajaran kepada masyarakat dan teladan.

"Kes ini mendapat liputan meluas dan menimbulkan

kemarahan awam, menunjukkan perlunya tindakan serius terhadap jenayah terhadap haiwan serta mempertimbangkan faktor kepentingan awam," katanya.

Bagaimanapun, peguam S Rajashree yang mewakili Samuel memohon hukuman denda minimum atas alasan anak guamnya seorang pemain badminton profesional dan juga mempunyai tanggungan keluarga.-[BHONLINE](#)

Pemain Badminton Didenda RM25,000, Pukul Anjing Di Balkoni Rumah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Mahkamah	Online	30 Ogos



KAJANG: Seorang pemain badminton profesional didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah memukul seekor anjing secara bertubi-tubi di balkoni rumahnya, bulan lepas.

Hakim Mazuliana Abdul Rashid menjatuhkan hukuman itu terhadap Samuel Lee, 21, selaku Orang Kena Saman (OKS) dan memerintahkan lelaki itu dipenjara enam bulan, jika gagal bayar denda.

Lee didakwa memukul seekor anjing baka Husky dengan tangan secara bertubi-tubi di

balkoni rumahnya di Landmark Residence, Kajang di sini, antara 12.09 hingga 12.19 pagi, 1 Julai lepas, mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, tindakan kejam OKS memukul anjing itu telah dirakam oleh jiran dan tular di media sosial.

Susulan kejadian itu, pada 2 Julai 2024, pihak penyelamat

haiwan mengambil anjing tersebut untuk rawatan di klinik veterinar, dan anjing itu didapati mengalami trauma serta ketakutan ekstrem.

Susulan itu pada 3 Julai pegawai kebajikan haiwan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor pergi ke rumah OKS namun dia tiada di rumah.

Anjing Husky yang dinamakan Kitster itu disimpan di Kota Damansara Veterinary Centre untuk siasatan lanjut dan hasil siasatan menunjukkan Samuel Lee telah melanggar Seksyen 29 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dengan melakukan penganiayaan terhadap haiwan.

Terdahulu Pegawai Pendakwa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Selangor, Mohd Sharif Sabran memohon hukuman berat sebagai pengajaran kepada tertuduh.

“Perbuatan OKS yang kejam memukul anjing itu hingga mengalami kemurungan memerlukan hukuman berat sebagai pengajaran kepada masyarakat dan teladan. Kes ini telah mendapat liputan luas dan menimbulkan kemarahan awam, menunjukkan perlunya tindakan serius terhadap

jenayah terhadap haiwan serta mempertimbangkan faktor kepentingan awam,” katanya.

Peguam S.Rajashree yang mewakili OKS memohon hukuman denda minimum atas alasan anak guamnya seorang pemain badminton profesional dan juga mempunyai tanggungan keluarga.– [BULETINTV3](#)

Pemain Badminton Remaja Didenda RM25,000 Pukul Anjing Husky

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	30 Ogos



Samuel (depan) dan pegawai pendakwa Vaterinar Mohd. Sharif ketika hadir di Mahkamah Sesyen hari ini. Foto oleh AMIR KHALID/Kosmo!

KAJANG – Seorang pemain badminton remaja kebangsaan yang tular memukul anjing peliharaannya jenis Husky bulan lalu didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Mazualina Abdul Rashid mengenakan denda tersebut selepas Samuel Lee, 21, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang didakwa ke atasnya.

Sekiranya OKS gagal membayar jumlah denda itu dia boleh dipenjarakan selama

enam bulan dan OKS membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Samuel didakwa memukul seekor anjing baka Husky dengan tangan secara bertubi-tubi di balkoni rumahnya di sebuah residensi di Kajang di sini, antara pukul antara 12.09 hingga 12.19 pagi pada 1 Julai lalu.

Justeru pertuduhan dikemukakan mengikut bawah Seksyen 29 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah

Seksyen 29 (1) Akta yang sama yang memperuntukkan denda minima RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Difahamkan anjing berkenaan masih dalam jagaan Jabatan Veterinar.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Mohd. Sharif Sabran mencadangkan OKS dikenakan hukuman berat diberikan sebagai pengajaran.

“Perbuatan Orang Kena Saman (OKS) yang kejam memukul anjing Husky hingga mengalami kemurungan perlu (diberikan) hukuman berat sebagai pengajaran kepada masyarakat dan teladan kepada anak muda.

“Kes ini mendapat liputan luas dan menimbulkan kemarahan orang awam, menunjukkan perlunya tindakan serius jenayah terhadap haiwan dan mempertimbangkan kepentingan awam dalam hukuman,” katanya.

Bagaimanapun peguam S. Rajashree yang mewakili OKS memohon hukuman denda yang minimum atas alasan anak guamnya merupakan

seorang pemain badminton profesional dan mempunyai tanggungan keluarga.

Mengikut fakta kes, pada 2 Julai 2024, pihak penyelamat haiwan mengambil anjing tersebut untuk rawatan di klinik veterinar yang mana ia didapati mengalami trauma dan ketakutan ekstrem.

Pada 3 Julai, pegawai kebajikan haiwan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor melawat rumah OKS tetapi mendapati beliau tiada di rumah.

Anjing Husky tersebut, dikenali sebagai Kitster, disimpan di Kota Damansara Veterinary Centre untuk siasatan lanjut dan hasil siasatan menunjukkan Samuel Lee telah melanggar Seksyen 29 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dengan melakukan penganiayaan terhadap haiwan.

Terdahulu tular video di media sosial memaparkan video seorang lelaki memukul seekor anjing berulang kali tanpa belas kasihan sehingga membangkitkan kemarahan orang ramai.

Rentetan itu, aktivis haiwan, ke lokasi dan berjaya memujuk lelaki itu menyerahkan anjing baka

Husky terbabat untuk dibawa
ke lokasi yang lebih selamat.-
[KOSMO! ONLINE](#)

Pemain Badminton Pukul Anjing Di Balkoni Rumah Didenda RM25,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Artikel	Online	30 Ogos



Tangkap layar tindakan seorang lelaki didakwa memukul anjing baka Husky dalam kejadian di sebuah kondominium di Kajang sebelum ini.

KAJANG – Tindakan seorang pemain badminton profesional memukul anjing baka Husky di balkoni rumahnya bulan lalu, mengundang padah apabila dia didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat.

Samuel Lee, 21, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim, Mazuliana Abdul Rashid.

Mahkamah memerintahkan dia selaku Orang Kena Saman (OKS) dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tindakan kejam OKS memukul anjing itu dirakam oleh jiran kemudian tular di media sosial.

Susulan kejadian itu, pada 2 Julai, pihak penyelamat haiwan mengambil anjing

tersebut untuk rawatan di klinik veterinar.

Hasil pemeriksaan mendapati, ia mengalami trauma dan ketakutan ekstrem.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Selangor, Mohd Sharif Sabran mencadangkan OKS dikenakan hukuman berat sebagai pengajaran.

"Ini kerana perbuatannya kejam kerana memukul hingga anjing itu mengalami kemurungan.

"Kes ini telah mendapat liputan meluas dan menimbulkan kemarahan awam, maka tindakan serius perlu dibuat," katanya.

Bagaimanapun, peguam, S Rajashree yang mewakili OKS, merayu anak guamnya dikenakan denda yang minimum kerana perlu menanggung keluarga.

Pada 4 Julai lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil tindakan susulan video tular berhubung seorang lelaki disyaki mendera seekor anjing Husky di sebuah kondominium di sini.-

[SINARHARIAN](#)

Husky Abuse: NGO Says Kitster's Owner Samuel Lee Fined RM25k

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRP	MALAYSIA	Online	30 Ogos



It's revealed that Samuel Lee rescued Kitster from another negligent family.

The husky Kitster's owner and alleged abuser Samuel Lee has been charged under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 for abuse and cruelty towards animals.

According to My Forever Doggo, Lee is fined RM25,000 and faces six months in jail if he fails to pay the fine.

In addition, Kitster will not be returned to Lee but transferred from the Department of Veterinary Services (DVS) to the Animal Welfare Department. This is so that a keen and qualified adopter can adopt Kitster.

During the court hearing, it was also revealed that Lee rescued Kitster from a family that didn't take good care of the dog.

Lee's lawyer shared that Kitster flourished under his care with improved physical well-being. The lawyer added that Kitster is afraid of strangers and would appear afraid and traumatised especially when DVS officers took it away.

However, DVS argued that the court should consider heavier punishment for Lee, citing the rising number of

animal abuse cases and Lee's profession as a national badminton player should be exemplary to the younger generation.

Taking these reasons and Lee's education level into consideration, the judge said Lee should have known better than to harm animals.

The judge added that the current punishment would serve as a lesson to him not to repeat the same mistakes.

Many felt the fine was not enough of a punishment and believed having Lee spend a night in jail would remind him better not to harm animals.

Safe to say, many Malaysians don't take it too kindly to anyone who harms animals in any way.

While this chapter closes, some brought up the issue of an alleged cat torturer and asked if there were any case updates.

They claimed the alleged cat abuser and avid cyclist Boylt Foong See Liang bragged about his exploits online without impunity.-[TRP](#)

Animal Abuse: Pro Badminton Player Fined RM25,000 For Beating Husky

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	30 Ogos

KAJANG: A professional badminton player has been fined RM25,000, in default six months in jail, by the Sessions Court here on Friday (Aug 30) after pleading guilty to repeatedly beating a dog at his house last month.

Sabran appeared for the prosecution, while lawyer S. Rajashree represented Lee. – [THE STAR](#)

Judge Mazuliana Abdul Rashid imposed the fine on Samuel Lee, 21.

Lee was charged with beating a husky with his hands repeatedly on the balcony of his residence at Landmark Residence, Kajang, between 12.09am and 12.19am on July 1 this year.

The charge, framed under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015, provides a fine of up to RM100,000, or a maximum prison sentence of three years, or both, upon conviction.

According to the facts of the case, Lee's act of beating the dog was recorded by a neighbour and went viral on social media.

Prosecuting officer from the Selangor Veterinary Service Department Mohd Sharif

Pukul Anjing Husky: Pemain Badminton Didenda Rm25,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Video	Online	31 Ogos



Tangkapan layar dari ruangan Video: Astro Awani

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR